

PERATURAN PEMARKAHAN TAMBAHAN
Bahagian A
(30 markah)

1. Format penulisan komen

- T – Menepati tema
- I- Idea relevan, huraian jelas
- B- gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P- sangat menarik dan berkesan

Maklumat di bawah berkaitan dengan kantin sekolah.

*Huraikan pendapat anda tentang **ciri-ciri kantin sekolah yang baik**.*

*Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

2. Kehendak/ Tugas soal:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **ciri-ciri kantin sekolah yang baik** iaitu :
 - Stimulus (Bahan 1 – Pendahuluan)
 - Menyediakan makanan berkhasiat (Bahan 2 – Isi 1)
 - Harga yang berpatutan (Bahan 3 – Isi 2)
 - ii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan dan kesimpulan.
 - iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea berkaitan **ciri-ciri kantin sekolah yang baik** – diterima dan disemak seperti biasa.
 - iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vi. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- *Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

SOALAN BAHAGIAN B

1. Format penulisan komen:

- T - menjawab tugas
- I - relevan, huraian jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P - menarik dan berkesan

Soalan 1

Aktiviti pembakaran secara terbuka dan pembalakan haram serta pencemaran alam yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan negara kita berdepan dengan kepupusan hidupan liar. Lebih memeranjatkan, statistik kematian hidupan liar dari tahun ke tahun menunjukkan peningkatan iaitu 7,451 (2017) berbanding dengan 6,767 (2016) dan 6,258 (2015) yang mana Selangor, Johor dan Perak mencatatkan kematian tertinggi hidupan liar iaitu 1,745, 1,616 dan 792.

Sumber : Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)

Berdasarkan petikan, huraikan punca-punca kepupusan hidupan liar.

Kehendak/ tugas soalannya:

(i) Calon dikehendaki **punca-punca kepupusan hidupan liar** menghuraikan iaitu:

- Aktiviti pembakaran secara terbuka
- pembalakan haram
- pencemaran alam yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan punca – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**

Soalan 2

Setiap warganegara memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Dalam konteks ini, masyarakat haruslah mencintai keamanan, mengamalkan sikap toleransi serta menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa untuk mengatasi ancaman-ancaman yang mungkin mengancam kesejahteraan negara.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan peranan masyarakat untuk menjamin keselamatan negara.

Kehendak/ tugas soalannya:

(i) Calon dikehendaki menghuraikan peranan masyarakat untuk menjamin keselamatan negara menghuraikan iaitu:

1. masyarakat haruslah mencintai keamanan
2. mengamalkan sikap toleransi
3. menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan punca – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**



Soalan 3

PUTRAJAYA: Sejumlah 3.59 peratus dalam kalangan murid sekolah direkodkan sebagai ponteng sekolah yang dikesan berdasarkan Sistem Sahsia Diri Murid bagi sesi akademik 2023/2024 lalu. Berdasarkan maklum balas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada Utusan Malaysia, murid dikategorikan sebagai ponteng sekolah sekiranya mereka tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah. Sikap murid yang tidak berminat belajar menjadi punca murid ponteng sekolah.

Sumber : Utusan Malaysia

Huraikan faktor yang terdapat dalam petikan dan faktor-faktor lain yang mencetuskan masalah tersebut.

Kehendak/ tugas soal : :

1. Calon dikehendaki menghuraikan **faktor yang terdapat dalam petikan dan faktor-faktor lain yang mencetuskan masalah tersebut** iaitu:

(i) Sikap murid yang tidak berminat belajar (Wajib ambil)

Cadangan idea:

(ii) Masalah keluarga

(iii) Pengaruh rakan sebaya

(iii) Kurang didikan agama

Join telegram @exercise_students

Kemungkinan jawapan:

(i) menghuraikan isi dalam petikan sahaja– maksimum peringkat KEPUJIAN

(ii) menghuraikan isi luar sahaja– maksimum peringkat KEPUJIA

Soalan 4

Mengikut kajian statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2011, angka pesakit yang menghadapi masalah kesihatan telah meningkat sebanyak 200 000 orang pesakit melebihi bilangan pesakit pada tahun sebelumnya. Angka yang membimbangkan ini perlu diambil tindakan oleh semua pihak.

Sumber : www.ipendidikan.my

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan cara-cara menjaga kesihatan diri.

Cadangan isi:

1. Mengamalkan pemakanan seimbang
2. Melakukan aktiviti riadah
3. Menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala
4. Mendapatkan rehat yang cukup

Ungkapan menarik:

1. Sediakan payung sebelum hujan
2. Badan cergas, otak cerdas
3. Mencegah lebih baik dari merawat

Join telegram @exercise_students

Kehendak/ tugas soalannya :

1. Calon dikehendaki menghuraikan **cara-cara menjaga kesihatan diri** iaitu:

* Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

* **Bilangan perkataan 511 dan ke atas - maksimum peringkat KEPUJIAN**

* **Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK**

Tertakluk kepada pindaan.